

# Pertimbang kongsi ekuiti

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mungkin boleh menimbangkan konsep perkongsian ekuiti sebagai langkah menyelamatkan Malaysia Airlines Bhd (MAB) sebagaimana yang dilaksanakan Proton Holdings Bhd (Proton) dan Geely.

Ini kerana model perniagaan itu dilihat boleh membuahkkan hasil berikutan kedua-dua pihak sanggup mengambil risiko perniagaan secara bersama.

Malah, Geely bersungguh-sungguh membantu Proton dari segi pemindahan teknologi dan kepakaran berterusan melancarkan model kereta baharu.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Fakulti Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, perkara sama boleh diguna pakai ke atas MAB dan mana-mana pihak berminat termasuk syarikat penerbangan asing.